



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

Jumaat, 6 Januari 2023

| | |
|---|--|
| 1 | Kerajaan perlu masa stabilkan bekalan telur |
| 2 | Syurga menanti muslim yang ihsan terhadap haiwan |
| 3 | Pengusaha ladang ayam diberi amaran akhir |
| 4 | Peniaga rugilebih rm400,000, stor simpan daging terbakar |
| 5 | BANJIR: Rugi 5,000 ikan keli, 300 itik musnah |
| 6 | Sektor pertanian rugi RM48.7 juta |
| 7 | Daging 10 tan musnah akibat stor terbakar |
| 8 | Enjoy a day out on the farm |

DISEDIAKAN OLEH :
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT,
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|----------|--------------|----------|------------|
| 6.1.2023 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 10 |

Kerajaan perlu masa stabilkan bekalan telur



MOHAMAD

KOTA BHARU

Kerajaan memerlukan masa untuk menstabilkan bekalan telur di pasaran negara ini bagi memenuhi permintaan pengguna.

Perkara tersebut diakui sendiri Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Mohamad Sabu yang menjelaskan bahawa keperluan makanan

memerlukan masa untuk dipulihkan.

"Dalam soal ini, kerajaan tidak boleh menentukan tempoh masa kerana ia melibatkan soal makanan. Kalau banjir kita boleh tahu jumlah kerosakan?

"Penyakit ayam hendak datang pun kita tidak boleh nak tahu," katanya pada sidang akhbar Majlis Penyerahan Kit Bantuan Bencana Banjir kepada warga MAFS Kelantan di Pejabat Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) di sini pada Khamis.

Bagaimanapun kerajaan sedang berusaha untuk menstabilkan bekalan tersebut dan antara usaha yang diambil ialah dengan membawa masuk telur import bagi menampung keperluan rakyat.

Dalam perkembangan lain, Mohamad mendedahkan sektor pertanian dan agromakanan di negara ini mengalami kerugian RM111.95 juta akibat Monsun Timur Laut.

Katanya, berdasarkan laporan Pusat Pengurusan Bencana MAFS, ia turut menjelaskan 24.7 ribu hektar kawasan pertanian.

"Seramai 12,000 petani dan penternak serta pengusaha agromakanan seluruh negara juga terkesan dengan bencana alam sepanjang Monsun Timur Laut. Bagi meringankan beban mereka yang terkesan, peruntukan RM1 juta disediakan melalui MAFS Prihatin," ujar beliau.

Menurutnya, bantuan tersebut merangkumi 6,700 kit sedia dimasak, 3,000 kita sedia untuk dimakan dan 1,000 kit kebersihan.



Syurga menanti Muslim yang ihsan terhadap haiwan



Oleh MUHD AZMAN MOHD NAWI

'Rahmat itu ialah kasih sayang yang bersifat memberi manfaat kepada makhluk lain dan sanggup bersusah payah memberi kemudahan serta menjauhkan mudarat...' - Ibnu Qayyim Al Jauziyyah



HUSAINI AB.RAZAB

MEMBELA haiwan peliharaan mendatangkan kebahagiaan kepada pemiliknya. Jika sebelum ini, orang Islam hanya memelihara kucing, ikan atau burung, hari ini ada pula yang suka membela haiwan eksotik seperti sugar glider, hamster, iguana dan guinea pig.

Bahkan ada yang bermingat dengan haiwan berbahaya seperti ular dan labuh-labuh.

Sebagai Muslim, kita wajib merujuk kepada Islam dalam setiap perbuatan. Tidak terkecuali dalam soal ini. Kasih kepada haiwan mestilah terakat kepada hukum Islam, ia tidak boleh dikaitkan dengan perasaan hati yang emosi subjektif. Sikap sebegini boleh membuka ruang untuk mementari hukum-hukum ALLAH sama ada secara teks atau tidak.

Asal hukum memelihara haiwan adalah "harus" dan ia terdapat dalam hadis Nabi SAW berkaitan membaloi kucing. Kabshah binti Ka'b ibn Malik melaporkan: "Pada suatu hari Abu Qatadah berada di dalam rumah, lalu saya menyediakan basping sebekas air untuk dijadikan sebagai air wuduk. Kemudian datang seekor kucing dan ia mengjilat air tersebut. Abu Qatadah memberikan sahaja kucing itu menjilat air daripada bekas tersebut."

Kabsah meneruskan kata-katanya, Abu Qatadah perasan yang saya memandang kepadanya lalu dia berteriak: "Adakah kamu berasa pelik walaupun saudaraku?

Saya menjawab: "Ya."

Abu Qatadah menjelaskan, Rasulullah

pernah bersabda: "Sesungguhnya kucing itu tidak naja kerana ia adalah binatang yang berkakaran di sekeling kamu." Hadis sahih direkodkan oleh Imam Abu Daud, Tirmizi, al-Nasa'e dan Ibnu Majah.

Daripada hadis tersebut, boleh dirumuskan bahawa sifat utama haiwan dilibaan mestilah suci dan tidak membahayakan. Selain itu, haiwan tersebut juga mesti bermanfaat secara syarak.

Galahkan Islam bori kasih sayang kepada haiwan

Nabi Muhammad SAW yang diutus untuk menyebarkan rahmat dan risalah dakwah Islamiah buat manusia serta jin turut melimpahkan rahmat amat besar, mencakupi haiwan mahupun tumbuhan.

Pengutusan Rasulullah dirakamkan dalam firman ALLAH yang bermaksud: "Dan tiadalah Kami mengutus kamu (wahai Muhammad), melainkan untuk (menjadil) rahmat bagi semesta alam." (Surah al-Anbiaya, ayat 107)

Penolong Pendataan Kanan (Hal Ehwal Islam), UTM Cawangan Kelantan, Ustaz Husaini Ab Razab menjelaskan kepada Sinar Islam Plus, menurut Ibnu Qayyim Al Jauziyyah, "rahmat lahak kasih sayang yang bersifat memberi manfaat kepada orang lain, makhluk lain dan sanggup bersusah payah memberi kemudahan serta menjauhi mudarat kepada orang atau makhluk lain."

"Daripada pemahaman ini, jelas kepada kita bahawa Islam agama syamil, menjaga muamalah sesama manusia termasuk

haiwan dan makhluk lain. Islam meninggalkan kita mengasihi haiwan, menjaganya dan memberi kasih sayang kepadanya," kata beliau.

Syurga binat yang ilhsan

Ustaz Husaini menjelaskan haiwan adalah makhluk ALLAH yang menjadi pelengkap kehidupan manusia.

"Terdapat tujuh jenis haiwan yang ditakamkan sebagai nama surah di dalam al Quran seperti *al Baqarah* (lembu), *al An'aam* (ternakani), *an Nahl* (lebah), *an Nasr* (semut), *al Ankabut* (labah-labuh), *al Adiyat* (kuda perang) dan *al Fil* (gajah). Terdapat juga haiwan seperti katak, belalang, ular, ulat dan lain-lain juga disebut dalam beberapa polongan ayat al Quran.

"Io membuktikan kehidupan kita di dunia tidak terpisah daripada mereka," katanya.

Bahkan sejarah menyatakan beberapa sifat khas yang diberikan kepada haiwan boleh selekatkan seseorang manusia di syurga ALLAH.

Dalam hadis riwayat Muslim, daripada Abu Hurairah RA, baginda Nabi bersabda yang bermaksud: "Sesungguhnya seorang pelacur wanita melihat seekor anjing munder-munder menggeliling telaga pada hari yang sangat panas dengan lidahnya yang panas dan dia mengambil air talu berempuan itu memberi minum menggunakan kosurnya, maka dia diberi pengampunan segala dosanya."

Selain dibela sebagai haiwan kesayangan, ada juga haiwan dibela untuk melancarkan kerja harian seperti bertani, bersawah, mengangkat barang atau memetik buah.

"Jadi, sebenarnya kita boleh mengambil keringat bagi haiwan-haiwan ini?

Ustaz Husaini menjelaskan, haiwan juga dikurniakan perasaan dan rasa. Justeru, haiwan turut memiliki persamaan dengan manusia dalam beberapa aspek.

"Contohnya, kalau kita bekerja, kita perlukan ganjaran, kerehatan dan tenaga (makarani) untuk bekerja. Begitu juga haiwan. Tetapi perlukan ganjaran, kerehatan dan makanan untuk kekal bertenaga."

"Sebenarnya kita memiliki ternakan seperti kambing yang dipergunakan bersawah atau monyet/buruk untuk memakan buah kelapa, maka kebaikan haiwan itu perlu dijaga kerana ia bekerja untuk kepentingan manusia."

"Sepertimana manusia yang memiliki had kemampuan, haiwan pun sama. Tenaga yang ada tidak kekal 24 jam. Kepentingan kedua-dua hak utama ini dilukuhkan dengan kisah yang berlaku kepada Nabi SAW."

Pada suatu ketika Nabi memasuki sebuah kebun milik lelaki Ansar dan si terdapat seekor seekor kambing. Ketika itu melihat Nabi, ia merintih dan mengalirkan air mata. Nabi menghampiri dan mengusap belakang telinganya sehingga unita itu diam.

Baginda bertanya: "Siapakah pemilik unita ini?"

Datang seorang pemuda dan berkata:

"Kepurayaan saya, wahai Rasulullah."

Baginda bersabda: "Tidaklah engku takut kepada ALLAH dalam menguruskan ternakan yang telah ALLAH berikan ini? Sesungguhnya ia telah mengadu kepada bawahan engku membiarkannya kelaparan dan membuatnya kepenaan."

"Bersikap lemah-lembut, ihsan serta prihatin akan keperluan ternakan merupakan perbuatan mulia lagi adil, bahkan ia menzahirkan sikap ketekuan pemiliknya kepada ALLAH serta kecintaan kepada Rasulullah," jelas Ustaz Husaini.

>> Bersambung di muka 20

Azab pedih untuk penganiaya haiwan

KITA pernah digemparkan dengan berita tentang penganiayaan dan kekejaman terhadap haiwan, contohnya kucing sama ada yang dipelihara atau tidak.

Ada kisah tentang kucing yang dimasukkan ke dalam mesin pengering baju hingga mati, ada disimbah dengan minyak panas, dipotong kaki kerana mencuri seekor ikan goreng, dilempar dari bangunan tinggi dan ada juga yang diberi racun. Ini adalah sebahagian kisah menyayat hati yang tidak patut dilakukan masyarakat khususnya beragama Islam kerana ia nyata bercanggah dengan tuntutan Islam itu sendiri.

Penolong Pendaftar Kanan (Hal Ehwal Islam), UiTM Cawangan Kelantan, Ustaz Husaini Ab Razab menjelaskan, atas sifat kesiyumulan Islam, semestinya menentang segala unsur kezaliman dan penganiayaan.

"Islam ialah agama yang menepati firah manusia. Agama Islam itu memenuhi kesempurnaan, bersifat universal dan mengajak umatnya berbuat baik kepada seluruh makhluk termasuklah haiwan sama ada yang dipelihara atau tidak," katanya.

Kerana itu, dalam memahaminya, mafhum firman ALLAH daripada surah al-An'am ayat 38 boleh dijadikan panduan.

"Dan tidak seekor pun binatang yang



BERSIFAT Ihsan terhadap haiwan kerana mereka juga punya hak di dunia ini.

kelebihan akal fikiran oleh ALLAH, semestinya dipertangungjawabkan dengan hak haiwan peliharaan tersebut.

Jelas beliau lagi, contohnya hak memberi makan, hak kebebasan dan hak menjaga kebaikannya. Sekiranya hak-hak tersebut diaibaikan, maka pemiliknya dianggap kejam dan akan mendapat dosa serta dipertangungjawabkan atas segala tindakannya itu.

Hal itu pernah disabda oleh Rasulullah SAW yang bermaksud: "Ada seorang wanita dimasukkan ke dalam neraka kerana mengurung seekor kucing tanpa diberikan makanan dan minuman sehingga mati kelaparan, kalau ditinggalan bebas, dia akan mencari makanan sendiri dan menangkap serangan makannya."

Demikianlah, sebagai peringatan untuk kita semua, apa juga yang berlaku dalam kehidupan kita merupakan ujian ALLAH dan la tidak berlaku secara sia-sia melainkan disisi-NYA ada ganjaran pahala ataupun dosa.

"Justeru, bersifat ihsanlah kepada haiwan sekiranya haiwan itu tidak mengganggu kita atau meminta bantuan kita. Apatah lagi ia merupakan haiwan peliharaan yang sememangnya menjadi tanggungjawab kita untuk menjaga kebaikannya," tutur beliau mengakhiri bicara.

Jangan 'pergunakan' si bulus untuk kepentingan peribadi

PENGANIAYAAN kucing bukan sekadar mengabaikan keperluannya ataupun mendera haiwan comel itu. Ia juga berlaku dalam bentuk pengeksplotasiannya.

Ada pihak tidak bertanggungjawab misalkan sengaja membela si bulus yang sakit dan memohon bantuan orang ramai untuk mengubatinya.

Lantaran itu, **Presiden Kelab Kucing Malaysia, Khalid Rashid** mengingatkan masyarakat supaya berhati-hati dengan taktik penipuan sebegini.

"Individu berkenaan mempergunakan kucing untuk tujuan peribadi. Malah, adakalanya haiwan itu mati tanpa sempat dirawat, kemudian mereka kembali membela kucing sakit lagi.

"Sedangkan, kucing tidak boleh banyak 'disimpan' di rumah, ia bukan barang antik.

"Anda benar pihak tersebut mengusahakan tempat perlindungan kucing, sudah tentu mereka akan berikan si manja itu kepada pihak lain untuk dijaga. Ini kerana kucing juga seperti manusia, perlu kasih sayang dan tuan, bukan dikurung sehingga ratusan ekor," katanya.

Bukan sekadar beri makan

Bagi memastikan orang ramai tidak mudah terpedaya, Khalid berkongsi tip mengenainya. Caranya adalah dengan menyiasat laman sosial seperti Facebook pihak berkaitan.

"Jika dalam Facebook, mereka kerap buat adopsi (mencari tuan baharu kucing) di mana-mana lokasi seperti pusat

melata di bumi dan tidak seekor pun burung yang terbang dengan kedua-dua sayapnya, melainkan mereka umat-umat seperti kamu. Tiada Kami tinggalkan sesuatu pun di dalam kitab al-Quran ini, kemudian mereka semuanya akan dihimpulkan kepada Tuhan mereka (untuk dihisab dan menerima balasan)."

Oleh itu, dalam situasi interaksi antara manusia dengan haiwan, contohnya kucing, selaku manusia yang dikurniakan



Ada individu mengeksplotasi kucing untuk tujuan peribadi. Adakalanya haiwan itu mati tanpa sempat menerima rawatan, kemudian mereka kembali membela kucing sakit lagi. Sebaliknya, si bulus tidak boleh banyak 'disimpan' di rumah, ia bukan barang antik."

- Presiden Kelab Kucing Malaysia, Khalid Rashid.

beli-beli, maknanya mereka tidak menipu. Jika sebaliknya atau membuat adopsi hanya sekali, fikirkanlah semula untuk menderma," katanya.

Tambah beliau lagi, pihaknya turut terlibat dalam agihan bantuan makanan kucing hasil bantuan syarikat dan orang ramai kepada mangsa terjejas banjir di Kota Bharu, Kelantan pada Ahad ini.

Kepada mereka yang beranggapan mudah untuk membela kucing, boleh nyatakan jauh-jauh tanggapan sebegini.

Ia bukan sekadar memberi makanan, minuman dan tempat tinggal tetapi juga keperluan lain, ungkapnya.

Jelas beliau, paling penting seseorang itu perlu mempunyai bajet kewangan dan pengetahuan mengurus haiwan berkenaan.

"Selain itu, pastikan kucing divaksin dan dimandulkan, juga aspek kebersihan serta ubatan yang perlu dijaga.

"Belahai haiwan mengikut kemampuan kita, bukan kerana nafsu peribadi. Lebih baik ia bebas di luar daripada memberi makanannya bercatut, dikurung dan tiada ubat," katanya.

Mengulas kes penganiayaan kucing sehingga terdapat kes kematian akibat dicampak dari bangunan tinggi, Khalid menegaskan, sewajarnya sebagai manusia dikurniakan akal sempurna tidak bertindak sedemikian rupa.

"Binatang itu tidak tahu apa apa dan sepatahnya disayangi dan bukannya diselea. Negara kita mempunyai undang-undang dan akta cukup untuk mendakwa mereka yang menindas haiwan comel ini."

"Kepada ibu bapa, didiklah anak-anak supaya menyayangi dan berlaku ihsan kepada haiwan," titipnya.

Pedoman Hari Ini

Daripada Usamah bin Zayd RA berkata, Rasulullah SAW berpesan dalam sabdanya yang bermaksud: "Sesiapa yang diperlakukan kepadanya sesuatu kebaikan, maka ucapkanlah kepada orang yang melakukan kebaikan kepada kamu dengan ungkapan: Semoga ALLAH membalaunya dengan segala kebaikan. Maka sesungguhnya dia telah menerima pujian yang terbaik."

(Hadis Riwayat at-Tirmizi)

ANEKDOT

Hukum haiwan dalam Islam

Haiwan yang suci:

Semua haiwan dihukumkan suci semasa hidupnya kecuali haiwan-haiwan tertentu yang telah ditetapkan najis.

Haiwan yang najis:

1. Babi
2. Anjing
3. Haiwan yang lahir daripada kedua-duanya atau salah satu daripadanya.

Haiwan yang diperintahkan untuk dibunuh:

1. Ular
2. Gagak
3. Tikus
4. Anjing gila
5. Burung hering
6. Cicak

Sumber: Fiqh peliharaan haiwan
<http://www.addeen.my/index.php/rohani/hukum/item/1162-fiqah-pelihara-haiwan>



BELALAH haiwan peliharaan mengikut kemampuan, bukannya kerana kelinginan peribadi

Pengusaha ladang ayam diberi amaran akhir

Berdepan penutupan terus jika gagal atasi masalah gangguan lalat

Oleh SYAMILAH ZULKIFLI
JELEBU

Kerajaan Negeri Sembilan tidak akan teragak-agak mengambil tindakan tegas dengan menutup sebuah ladang ternakan ayam berhampiran Felda Titi di sini jika pengusahaannya gagal menyelesaikan masalah gangguan lalat di kawasan berkenaan yang terus membelenggu penduduk.

Exco Pertanian dan Keterjaminan Makanan Negeri Sembilan, Datuk Bakri Sawir berkata, pihak pengurusan ladang ayam telah diberi peluang terakhir agar mengambil tindakan menyelesaikan masalah itu.



BAKRI

"Jika pihak pengusaha masih gagal menyelesaikan masalah tersebut, dia akan berdepan penarikan lesen operasi buat selama-lamanya.

"Masalah gangguan lalat di kawasan berkenaan berulang disebabkan perubahan pengurusan baharu ladang ternakan ayam yang diambil alih tahun lalu.

"Saya berikan peluang terakhir kepada pengurusan baharu ini untuk perbaiki kekurangan yang ada kerana pengurusan sebelum ini telah berjaya mengatasi masalah itu," katanya dalam satu kenyataan kepada media pada Khamis.

Sinar Harian pada April tahun lalu melaporkan mengenai gangguan lalat yang berlaku sehingga mengganggu aktiviti harian selain menjadikan penduduk membuat persiapan Aidilfitri.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan (JPVNS) turut mengantung lesen operasi ladang ayam berkenaan susulan daripada aduan diterima.

Pergantungan operasi itu bagi membolehkan syarikat yang meng-

Sinar
Harian

'Selesai dahulu masalah lalat baru dibenarkan beroperasi'



Bakri (berdiri) beramah mesra dengan tetamu yang datang ke rumah terbukanya, pada Ahad.

SYAMILAH ZULKIFLI
15 MAY 2022 10:50 AM

JELEBU - Sebuah ladang ayam berhampiran Felda Titi di sini hanya akan dibenarkan beroperasi semula

Laporan *Sinar Harian* berhubung masalah lalat yang berlaku.

uruskan ladang ayam berkenaan mengatasi masalah serangan lalat tersebut.

Peniaga rugi lebih RM400,000, stor simpan daging terbakar

REMBAU: Seorang pengusaha produk makanan sejuk beku berhadapan dugaan selepas stor yang dijadikan tempat simpanan dan stok perniagaannya itu musnah dalam kejadian kebakaran di Kampung Chembong, Rembau di sini malam kelmarin.

Pemilik NKA Frozen, Mohd. Khairul Azman, 36, berkata, kejadian tersebut menyebabkan stok daging sejuk beku hampir 10 tan selain mesin dan peralatan perniagaannya musnah sama sekali sehingga dia mengalami kerugian melebihi RM400,000.

“Stor ini memang tidak dilindungi insurans. Saya kini hanya berharap dapat bantuan daripada mana-mana pihak untuk dapat saya teruskan perniagaan ini walaupun jumlahnya tidak besar.

“Bilik stor ini kami guna peruntukan sendiri hasil tujuh tahun perniagaan yang diusahakan, segalanya di dalam stor ini termasuk daging, mesin dan peti sejuk,” katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Ujar Mohd. Khairul, dia mengetahui mengenai ke-



MOHD. KHAIRUL AZMAN (KIRI) melihat keadaan stor yang menyimpan stok dan peralatan perniagaannya yang musnah dalam kebakaran di Kampung Chembong, Rembau. - UTUSAN/ NORAINNA HAMZAH

jadian berkenaan pada lewat petang kelmarin selepas dihubungi oleh jiran yang tinggal berdekatan dengan stor tersebut.

Sementara itu, Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Rembau, Penolong Penguasa

Bomba, Mohd. Zulfadzli Osman berkata, pihaknya mendapat panggilan kecemasan pada pukul 7.23 petang dan sepasukan bomba dikeharkan ke lokasi kejadian termasuk bantuan dari Balai Bomba dan Penyelamat Kota.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|----------|-----------------|--------------|------------|
| 6.1.2023 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 32 |

Banjir: Rugi 5,000 ikan keli, 300 itik musnah

PASIR PUTEH: Seorang petani di Kampung Tok Ding, Semerak di sini rugi lebih RM25,000 apabila semua ternakan ikan keli, itik nila dan tanaman ubi kayu diusahakan setahun lalu musnah dalam banjir baru-baru ini.

Mohd. Zamri Deris, 50, berkata, banjir yang melanda pada malam 18 Disember lalu menyebabkan 10 sangkar yang

menternak 5,000 ekor ikan keli pecah dan dihanyut arus deras.

Menurutnya, kesemua ternakannya itu terlepas sebelum masuk ke dalam Sungai Semerak yang berada berdekatan dengan kawasan ternakan dan pertaniannya.

“Saya reda dengan takdir dan sudah niat untuk menyedekahkan semus ternakan itu kepada

kaki pancing dan mereka yang menahan pukat di sungai itu.

“Selain itu, sebanyak 300 ekor itik nila yang sudah matang bersama anak itik berusia lebih sebulan juga mati dalam sangkar apabila paras air naik mendadak,” katanya.

Mohd. Zamri berkata, tanaman ubi kayu yang sudah boleh dituai di kawasan seluas

kira-kira 0.92 hektar turut musnah dan membosuk apabila digenangi air bah selama tiga hari.

Katanya, ternakan dan pertanian tersebut adalah projek pertama yang diusahanya sejak awal tahun lalu.

“Banjir baru-baru ini menyebabkan saya gagal mendapat sebarang pulangan meskipun

ikan keli, itik nila dan ubi kayu sudah boleh dijual.

“Setakat ini, hanya 40 ekor itik nila masih hidup dan ia perlu dibuang semula. Saya amat teriklan kerana semua projek pertanian dan pertanian itu diusahakan dengan modal sendiri tanpa sebarang bantuan daripada mana-mana pihak,” ujarnya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|----------|-------|--------------|------------|
| 6.1.2023 | KOSMO | DALAM NEGERI | 15 |

Libatkan kemasuhan tanaman, ternakan 3,697 pengusaha di Terengganu

Sektor pertanian rugi RM48.7 juta

Oleh KAMALIZA KAMARUDDIN

KUALA TERENGGANU — Sektor pertanian di Terengganu terpaksa menanggung kerugian RM48.7 juta akibat bencana banjir luar biasa yang melanda negeri itu baru-baru ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Makanan, Perladangan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar Negeri Terengganu, Dr. Azman Ibrahim berkata, kemasuhan hasil tanaman dan ternakan itu melibatkan 3,697 pengusaha di seluruh negeri ini.

“Kerugian tertinggi direkodkan bidang pertanian iaitu sebanyak RM39.2 juta melibatkan 2,555 warga tani di seluruh Terengganu.

“Bagi sub-sektor peternakan pula, nilai kerugian ialah sebanyak RM3.4 juta membabitkan 781 peternak, manakala sub sektor perikanan pula sebanyak RM6.1 juta melibatkan 361 orang peternak dan nelayan,” katanya selepas menyampaikan Amanat Sektor Pertanian Terengganu di



AZMAN (lima dari kanan) bersama sebahagian kakitangan agensi pertanian, perikanan dan veterinar Terengganu pada majlis Amanat Sektor Pertanian Terengganu di Kuala Terengganu semalam.

sini semalam.

Banjir buruk yang melanda Terengganu bermula 17 hingga 21 Disember lalu disifatkan yang terburuk dalam tempoh hampir 40 tahun dengan menenggelamkan kesemua lapan daerah di negeri ini.

Azman berkata, Jawatankuasa Tabung Bencana Pertanian Negeri akan meneliti setiap laporan kerugian dialami semua pengusaha berkenaan dalam masa terdekat.

Beliau berkata, bantuan berbentuk sagu hati disalurkan kepada mereka sebagai meringankan beban dan mendorong kekal termotivasi dalam bidang masing-masing.

Dalam pada itu, Azman berkata, laporan berkaitan kerugian dalam tiga sektor tersebut dijangka siap sepenuhnya sebelum pertengahan bulan ini.

Jelas beliau, permohonan untuk mendapatkan dana bagi membantu mereka yang terkesan akibat bencana alam kali ini akan ‘diangkat’ pada awal Februari depan.

Daging 10 tan musnah akibat stor terbakar

REMBAU – Seorang pemilik kedai sejuk beku kerugian lebih RM400,000 selepas stor yang dijadikan tempat untuk menyimpan barang dan stok perniagaannya terbakar dalam kejadian di Kampung Chembong di sini kelmarin.

Mohd. Khairul Azman, 36, berkata, kejadian itu disedari selepas dihubungi oleh jiran yang tinggal berdekatan stor berkenaan pada waktu maghrib selepas melihat percikan api dari dalam premis.

Katanya, stor yang menyimpan 10 tan stok daging bernilai RM100,000 itu dibina sejak dua tahun lalu selepas perniagaannya yang dimulakan pada 2017 makin berkembang ketika Perintah Kawalan Pergerakan.

"Tambah memeritkan apabi-

la premis saya tidak dilindungi insurans. Saya mohon bantuan daripada mana-mana pihak supaya saya dapat meneruskan perniagaan ini."

"Selain daging, pelbagai jenis mesin dan peti sejuk turut musnah sepenuhnya," katanya ketika ditemui di sini.

Sementara itu, Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Rembau, Penolong Penguin Bomber, Mohd. Zulfadzli Osman berkata, pihaknya bergegas ke lokasi kejadian sebaik menerima panggilan pada pukul 7.23 malam.

"Kebakaran dipercayai berpunca dari bilik sejuk beku sebelum merebak ke bahagian lain. Bagaimanapun punca sebenar dan jumlah kerugian masih dalam siasatan," katanya.



MOHD. KHAIRUL menunjukkan stok daging sejuk beku yang musnah terbakar ketika ditemui di Kampung Chembong, Rembau semalam.



The 'ladies' grazing in the green fields of Farm Fresh @ UPM.



ENJOY A DAY OUT ON THE FARM

FARM FRESH @ UPM is the newest family attraction in the Klang Valley – an educational and fun way to learn about how Farm Fresh produces fresh and creamy dairy using sustainable practices while enjoying a day out on the farm.

Ride a tractor for a guided tour of the 40ha Farm Fresh @ UPM in Serdang and see how the "ladies" are cared for on the farm surrounded by greenery.

Learn how cow manure is converted into fertiliser via vermi-composting using African Nightcrawler worms, and how rainwater is harvested for recycling.

Visit the greenhouse that employs aquaponic and hydroponic methods to grow Chinese mustard, brinjal, cabbage, ladyfinger,

long bean, cucumber, papaya, banana and other vegetable and fruit.

Ride the tractor to feel the farm vibe and see the deers, rabbits and birds, as well as the colourful fighting fish and koi pond.

You can have a meal on the farm at The Acre café, savour in-house soft serve ice cream made with Farm Fresh milk, Jom Cha bubble tea also by Farm Fresh, then check out the Fresh Picks marketplace that sells freshly-harvested produce, fresh milk on tap, and other Farm Fresh dairy products.

Farm Fresh @ UPM is a collaboration between the dairy company and Universiti Putra Malaysia to raise the nation's self-sufficiency level (SSL) for fresh milk produc-


tion, which stands at 61% as of 2020.

The government's target is to reach 100% SSL in five years through the National Dairy Industry Development Programme.

This project is an industry-level dairy farm managed with an edu-tourism approach, to instil an interest in agriculture in the younger generation.

For more details on group tour or bookings, email hello@farmfresh-milk.com.my. Pre-school, primary and secondary school students are welcome with a minimum of 20 pax per group.

However, no group tour request will be accepted on Mondays, weekends, public holidays and school holidays.



Enjoy scenic views and feast your senses at